

ICU JPM terus basmi kemiskinan

■ AZIMAH GHAZALI

TAMAN PRIMA SELAYANG - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar tidak lagi terletak di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pejabat daerah dalam sesuatu kawasan susulan peralihan kuasa kerajaan negeri Selangor yang baru sekarang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer, Datuk Subahan Kamal berkata, bagaimanapun



(Dari kanan) Rozilawati, Bustami dan Subahan bergambar bersama penerima sumbangan.

fakta angka

2 penerima sumbangan program basmi kemiskinan bandar di DUN Taman Templer menerima sumbangan berjumlah **RM 9,770** keseluruhannya.

pun usaha membantu mereka yang memerlukan melalui program tersebut akan diteruskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) tanpa mengira sesiapa mahupun fahaman politik.

"Sebelum ini pun Kerajaan Pusat sudah memberikan bantuan tersebut melalui PBT seperti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Pejabat Daerah Gombak. Tetapi, sumbang-

an melalui agensi tersebut, mungkin ramai yang tidak sedar bahawa ia datang daripada Kerajaan Pusat.

"Bantuan seumpamanya ini termasuklah sekitar 90 peratus sumbangan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang datang dari Kerajaan Pusat. Setakat ini sudah 1,150 orang yang kita (di bawah Pejabat ADUN Taman Templer) telah bantu. Pada saya usaha yang dilakukan se-

karang, biar orang ramai tahu bahawa ia datang datang daripada Kerajaan Pusat sebenarnya," kata Subahan.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Penyampaian Bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Negeri Selangor Tahun 2008 bagi daerah Gombak dan Hulu Selangor, anjuran Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, yang turut dihadiri

Timbalan Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri, Bustami Yahya dan Penolong Pengarah ICU JPM (Zon Gombak dan Hulu Selangor), Rozilawati Abd Rahman, di Pejabat ADUN Taman Templer, semalam.

Sementara itu, menyokong perkara yang dinyatakan Subahan, Bustami dalam majlis tersebut berkata masih ramai di kalangan masyarakat yang belum tahu bahawa sumbangan melalui agensi sebelum ini datang daripada Kerajaan Pusat sehingga ada yang beremosi kononnya tiada bantuan daripada pihak tersebut.

"Bagaimanapun tidak ada sikap pilih kasih dalam menyampaikan bantuan ini memandangkan nama-nama yang dihantar oleh wakil-wakil rakyat akan diserahkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui panel terbabit untuk menyenarai pendek nama-nama mereka yang layak," jelasnya.

Dalam pada itu, Rozilawati pula berharap agar objektif program yang telah diambil alih

oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor sejak September lalu akan mencapai sasaran untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan menjelang 2010.

"Untuk itu, borang berkaitan program boleh diambil daripada Ahli Parlimen dan ADUN Barisan Nasional (BN) terdekat atau di Pejabat Pembangunan Negeri," katanya.

Susulan program berkenaan, dua penerima awal sumbangan bagi masyarakat DUN Taman Templer ialah pesakit kencing manis, S Balwan Singh, 48, yang menerima bantuan sebanyak RM250 untuk kemasukan anak ke sekolah, bantuan rawatan dialisis (RM2,160) dan latihan / pendidikan (RM5,910).

Penerima lain adalah bapa 10 anak, Ahmad Suhaimi Mustafa, 53, yang diwakili isterinya, menerima bantuan kemasukan dan kos pengangkutan anak ke sekolah yang bernilai RM1,450, menjadikan sumbangan yang disampaikan pihak berkenaan semalam bernilai RM9,770.